



EDISI MAC 2025

BULETIN PETALING JAYA



DYMM TENGGU PERMAISURI SELANGOR
SANTUNI BAZAR RAMADHAN
“BAHAGIA DAN LESTARI”

M/S-12-13

IMBAS KOD QR UNTUK AKSES
BERITA PETALING JAYA
DALAM TALIAN



MALAYSIA
MADANI

SUSTAINABLE
DEVELOPMENT
GOALS

KITASELANGOR



EDISI
PERCUMA

Petaling Jaya Bandar Paling Bahagia dan Mampan

www.mbpj.gov.my

[Majlis Bandaraya Petaling Jaya](#)

[pjcitycouncil](#)

Isi Kandungan

Tajuk

Muka Surat

PENINGKATAN PELABURAN NEGERI SELANGOR MEMACU EKONOMI NEGARA	3
INDEKS KEBAHAGIAAN BANDAR DI MALAYSIA MENINGKAT	3-4
MBPJ KEKALKAN PEMATUHAN SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH (ABMS) ISO 37001:2016	5
MBPJ TAWAR REBAT CUKAI TAKSIRAN DAN GERAN <i>PJ SEED</i>	6-7
LARANGAN PENGGUNAAN BAHAN PENYEDIAAN MAKANAN PLASTIK	8-9
KESINAMBUNGAN PENGUATKUASAAN <i>PJ WATCH</i>	10-11
DYMM TENKU PERMAISURI SELANGOR SANTUNI BAZAR RAMADHAN "BAHAGIA DAN LESTARI"	12-13
AKTIVITI-AKTIVITI AHLI MAJLIS MBPJ MAC	14-23

SIDANG REDAKSI

www.mbpj.gov.my [f](#) Majlis Bandaraya Petaling Jaya [@](#) [t](#) [v](#) [d](#) [p](#) [j](#)citycouncil

PENAUNG

Tuan Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samingon

PENASIHAT

Hjh. Haniza binti Abdul Hamid

KETUA PENGARANG

Abdul Hakim bin Khairuddin

WARTAWAN

Muhamed Azmi bin Yusoff
Nor Sarina binti Lamak
Mohammad Shah bin Badlishah

JURU GAMBAR

Rusdi bin Mohamed Halik
Intan Khairana binti Md. Zali
Salimey bin Abu Bakar

PEREKA GRAFIK

Badrul Hisham bin A. Bakar
Abdul Manaf bin Zakaria
Ihfaznur Ashikin binti Hj. Mohammed Arifin

MAKLUM BALAS DAN CADANGAN HANTARKAN KEPADA

Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya

☎ : 03-7956 3544 samb. 203 / 205 / 206

✉ : media@mbpj.gov.my



PENINGKATAN PELABURAN NEGERI SELANGOR MEMACU EKONOMI NEGARA

SEKSYEN 52, 2 MAC - Malaysia telah mencatatkan satu kejayaan luar biasa dengan RM378.5 bilion pelaburan yang diluluskan pada tahun 2024, menandakan pertumbuhan tahun ke tahun sebanyak 14.9 % dan yang tertinggi dalam sejarah negara.

Malaysian Investment Development Authority (MIDA) melaporkan prestasi pelaburan negara bertambah baik apabila nilai pelaburan yang diluluskan pada tahun 2024 telah meningkat kepada RM 378.5 bilion berbanding RM 329.5 bilion pada tahun 2023. Pelaburan tahun 2024 negara

melibatkan 6,700 projek dan 207,241 pekerjaan baru.

Negeri Selangor mendahului prestasi mengikut negeri dengan nilai pelaburan diluluskan pada tahun 2024 sebanyak RM 101.1 bilion di mana RM 75.2 bilion adalah pelaburan domestik manakala RM 25.9 bilion adalah pelaburan asing.

Pelaburan tahun 2024 Negeri Selangor melibatkan 2,007 projek dan 65,854 pekerjaan baru. Pencapaian ini merupakan prestasi pelaburan tertinggi dicatatkan Negeri Selangor dan

merupakan negeri pertama melepasi nilai RM 100 bilion.

Di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pula, Majlis Bandaraya Petaling Jaya mendahului pelaburan diluluskan pada tahun 2024 dengan nilai RM 6.01 bilion melibatkan 31 projek dan 3,299 pekerjaan baru. Pelaksanaan "Speed Selangor" dan "Vertical Industry" oleh PBT antara tindakan utama yang perlu dilaksanakan bagi mengekalkan prestasi tinggi pelaburan Negeri Selangor pada tahun-tahun mendatang.

*Nilai pertumbuhan dan peratusan perubahan mungkin berbeza disebabkan pembundaran

Sumber: Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA)

Diterbitkan: 14 Disember 2022
Infografik Bernama

INDEKS KEBAHAGIAAN BANDAR DI MALAYSIA MENINGKAT

ALAN YONG SHOOK LIN, 5 MAC - Sambutan *International Day of Happiness* atau Hari Kebahagiaan Sedunia bermula apabila kesemua 193 ahli negara anggota Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu telah meluluskan resolusi *Happiness: Towards a Holistic Definition of Development* pada 12 Julai 2012.

Hari Kebahagiaan Sedunia yang disambut setiap tahun sejak 2013 adalah pengiktirafan global terhadap kepentingan kesejahteraan sebagai asas pembangunan dunia ke arah kebahagiaan dan kesejahteraan penduduk sejagat. Di Malaysia, kita telah meraikan Hari Kebahagiaan Sedunia ini semenjak tahun 2014.

Di bawah kepimpinan Kerajaan, usaha ke arah meningkatkan kebahagiaan rakyat terus diperkukuh melalui pelbagai inisiatif yang menekankan keadilan sosial, pembangunan mampan dan kesejahteraan masyarakat.

Dasar yang mesra rakyat seperti pengukuhan dan memperkasakan ekonomi, kawalan kos sara hidup serta peningkatan akses kepada perkhidmatan awam telah memberikan impak positif kepada kehidupan dan kesejahteraan rakyat.

Apa yang dilaksanakan oleh Kerajaan pada hari ini adalah selaras dengan tema Hari Kebahagiaan Sedunia Peringkat Kebangsaan yang disambut iaitu "Prihatin dan Kebersamaan".

Ia mengingatkan kita bahawa kebahagiaan sejati bukan hanya tentang individu tetapi juga tentang hubungan erat dan sokongan dalam masyarakat. "Prihatin" membawa maksud kepedulian, cakna dan empati terhadap kesejahteraan orang lain. Sikap ini seiring dengan prinsip kesejahteraan sosial dan kebahagiaan sejagat yang menjadi asas kepada pembangunan negara

yang inklusif dan harmoni, manakala "Kebersamaan" mencerminkan semangat berkongsi kegembiraan kasih sayang dan kesejahteraan dalam komuniti. Ia menekankan kepentingan interaksi sosial yang positif serta keupayaan kita mencipta kebahagiaan bersama.

Di Malaysia, pengukuran indeks kebahagiaan bandar dilaksanakan bermula pada tahun 2015, melalui sistem MURNInets. Kriteria pengukurannya adalah selaras dengan pengukuran kebahagiaan di peringkat dunia yang memberi fokus kepada 14 Komponen Indeks Kebahagiaan iaitu Tahap Tekanan (Stress), Kesihatan, Bahagia (Keluarga), Bekerja, Kewangan, Hubungan (Jiran), Aktiviti Komuniti, Kediaman (Selesa dan Selamat), Kemudahan Awam, Kemudahan Infrastruktur, Perkhidmatan PBT, Perkhidmatan Swasta, Perkhidmatan Pemimpin dan Alam Sekitar.

Dapatan terkini mendapati bahawa sebahagian besar bandar di Malaysia menunjukkan peningkatan dari segi indeks kebahagiaan, hasil usaha berterusan kerajaan dalam menyediakan persekitaran yang lebih kondusif. Indeks Kebahagiaan Malaysia telah menunjukkan peningkatan sebanyak 5 mata dari 5 tahun sebelum ini, iaitu daripada pencapaian 83.34 % pada tahun 2020 kepada 88.84 % pada tahun 2025.

Bagi pengukuran Indeks Kebahagiaan pada tahun 2025, sebanyak 153 PBT telah menyertai kaji selidik indeks ini. Dari segi pencapaian, 75% bandar telah mencapai Tahap Bahagia dan 25% mencapai Tahap Sederhana Bahagia. Ini jelas menunjukkan peningkatan positif dalam usaha kita mewujudkan komuniti yang lebih harmoni dan inklusif.

Dalam usaha membina sebuah masyarakat yang bahagia, kita tidak terlepas daripada pelbagai cabaran global seperti ketidaktentuan ekonomi, perubahan iklim, dan isu pembangunan sosial serta fizikal yang semakin kompleks. Meskipun begitu, Kerajaan terus komited memastikan kesejahteraan rakyat kekal sebagai keutamaan menerusi pelbagai inisiatif berimpak tinggi untuk dinikmati oleh semua lapisan rakyat.

Dengan pengiktirafan yang diraih oleh bandar raya Petaling Jaya ini, kita bukan sekadar meraikan kebahagiaan, akan tetapi memperkukuh tekad untuk terus mentadbir dan mengurus bandar raya ini dengan lebih harmoni, inklusif dan sejahtera. Kejayaan dalam membentuk masyarakat yang bahagia bukan hanya tanggungjawab PBT sahaja, namun memerlukan kerjasama dari semua pemegang taruh dari sektor swasta, NGO dan warga Petaling Jaya secara keseluruhan.





MBPJ KEKALKAN PEMATUHAN SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH (ABMS) ISO 37001:2016

SEKSYEN 52, 12 MAC - Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah berjaya mengekalkan pensijilan Anti-Bribery Management System (ABMS) perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan bagi bandar raya Petaling Jaya merangkumi perkhidmatan utama dan sokongan kerajaan tempatan. Tempoh pensijilan ini bermula pada 28 April 2023 sehingga 27 April 2026.

Audit pematuhan ABMS telah berlangsung pada 10 hingga 12

Mac 2025, diketuai oleh En. Mohd Shahril bin Mohd Arshad, juruaudit dari SIRIM QAS International, bersama beberapa juruaudit SIRIM yang lain. Jabatan dan unit yang terlibat dalam auditan ini adalah Jabatan Perancangan Pembangunan, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, Jabatan Khidmat Pengurusan, Jabatan Landskap, Jabatan Perkhidmatan Kesihatan dan Persekitaran, Unit Komunikasi Korporat, Unit Integriti dan Unit Audit Dalam.

MBPJ komited untuk memastikan pensijilan semula ABMS pada 27 April 2026 kelak dan warga kerja Majlis bertanggungjawab untuk melaksanakan semua tindakan penambahbaikan yang diperlukan. Pensijilan ABMS ini memberi nilai tambah kepada perkhidmatan MBPJ sebagai PBT yang cemerlang, berintegriti, berakauntabiliti dan berkompetensi.



MBPJ TAWAR REBAT CUKAI TAKSIRAN DAN GERAN *PJ SEED*

TAWARAN GERAN KOMUNITI Petaling Jaya Mampan 7.0

JALAN YONG SHOOK LIN, 12 MAC - Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah menawarkan Skim Rebat Taksiran kepada pemilik rumah mesra alam Petaling Jaya yang telah dilaksanakan sejak tahun 2011. Skim ini menawarkan potongan rebat cukai sebanyak maksimum 100% atau RM 500.00 mana yang lebih rendah.

Inisiatif ini bertujuan untuk memberi penghargaan secara insentif kewangan kepada warga Petaling Jaya yang mengamalkan gaya hidup mesra alam di kediaman masing-masing. Program ini adalah merupakan salah satu program yang dirancang dalam *Petaling Jaya Climate Action Plan 2030* yang menasaskan pengurangan karbon sebanyak 33 peratus menjelang 2030 untuk Bandar Petaling Jaya.

Lima amalan mesra alam yang dinilai melalui skim ini adalah aspek Tenaga, Air, Pengurusan Sisa, Pengangkutan dan Biodiversiti.

Permohonan skim rebat ini boleh dibuat bermula dari 1 Mac 2025 sehingga 30 Jun 2025. Sepanjang tempoh 4 bulan permohonan ini, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam akan mengadakan sesi taklimat dan promosi ke kawasan Ahli Majlis (4 zon utama) bagi tujuan perkongsian maklumat dan *teach-in* bagi membantu komuniti membuat permohonan.

Selain itu, mulai 3 Mac 2025, permohonan bagi Geran Komuniti Petaling Jaya Mampan atau lebih dikenali sebagai *PJ SEED* juga boleh mula dikemukakan kepada pihak urus setia *PJ SEED* dan tarikh tutup permohonan adalah pada 30 Mei 2025.

PJ SEED ini sudah memasuki tahun ketujuh pelaksanaannya dan ianya akan terus diperkasa bagi memberi sokongan kepada inisiatif komuniti. Borang dan panduan permohonan boleh didapati di laman web rasmi MBPJ.

Sepanjang tempoh permohonan, urus setia akan menjalankan program *teach-in* di kawasan Ahli Majlis sebagai inisiatif memberi pencerahan berkenaan garis panduan yang jelas dan terperinci bagi membantu komuniti memohon permohonan yang lebih berkualiti.

Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah meluluskan sebanyak 153 projek dengan peruntukan berjumlah RM 2.7 juta yang telah disalurkan kepada organisasi terpilih dan layak sejak geran tersebut diperkenalkan.

Diharapkan, pada tahun ini MBPJ akan menerima lebih banyak permohonan yang menunjukkan standard yang tinggi bagi membantu meningkatkan prestasi MBPJ menjadi Pihak Berkuasa Tempatan cemerlang dan unggul.

**AYUH! LUNASKAN BAYARAN
CUKAI TAKSIRAN ANDA**

Demi Pembangunan Dan Kesejahteraan Petaling Jaya!



Penggal I (Januari - Jun)
Bayar sebelum / pada
28 / 29 FEBRUARI

Penggal II (Julai - Disember)
Bayar sebelum / pada
31 OGOS

**SELAMAT DATANG KE
MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA**



SKIM REBAT CUKAI TAKSIRAN

Bagi Pemilik Rumah Mesra Alam Hijau
Petaling Jaya 2025

Bermula Dari
25 Mac 2025

Sehingga
24 Jun 2025

Terbuka kepada pemilik rumah
di Petaling Jaya yang
mengamalkan gaya hidup
mesra alam dan
mampun berdasarkan
kriteria berikut:



IMBAS
DI SINI
UNTUK SEMAK
BIL. CUKAI
TAKSIRAN



Permohonan boleh dibuat melalui borang permohonan
yang boleh dimuat turun di laman web MBPJ.

www.mbpj.gov.my

Borang permohonan boleh dihantar secara berikut : Secara serahan tangan atau pos
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam
Tingkat 20, Menara MBPJ, Jalan Tengah 46200 Petaling Jaya, Selangor

Atau hantar melalui email



rebatcukai@mbpj.gov.my

Email

Urusetia ☎ : 03-7954 1440



**THEMATIC
LOW CARBON CITY**

PJ YOU

www.mbpj.gov.my

Majlis Bandaraya Petaling Jaya

[pjcitycouncil](https://www.facebook.com/pjcitycouncil)



LARANGAN PENGUNAAN BAHAN PENYEDIAAN MAKANAN PLASTIK

KELANA JAYA, 21 MAC - Sejak kebelakangan ini, pengusaha restoran kerap menggunakan straw, cawan dan pinggan plastik ketika menyajikan makanan dan minuman. Pada tahun 2019, kerajaan melalui Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) mengumumkan rancangan untuk mengurangkan penggunaan plastik sekali pakai, termasuk straw plastik. Kerajaan memulakan inisiatif untuk mendorong sektor perniagaan, termasuk restoran, untuk mengurangkan penggunaan straw plastik dan beralih kepada alternatif yang lebih mesra alam.

Penggunaan straw plastik akan menimbulkan kesan yang negatif

kepada alam sekitar kerana ia sukar diuraikan dan diproses dalam sistem kitar semula.

Banyak syarikat besar dan restoran mula memperkenalkan alternatif mesra alam, seperti straw kertas atau straw logam, bagi menggantikan straw plastik di premis mereka. Ini juga merupakan usaha dari pihak swasta untuk memenuhi permintaan pengguna yang lebih prihatin terhadap isu alam sekitar.

Beberapa negeri seperti Pulau Pinang, Selangor dan Melaka telah memulakan peraturan atau polisi untuk mengurangkan penggunaan straw plastik.

Majlis memandang serius dan menyokong usaha kerajaan Negeri dengan melarang penggunaan straw plastik di premis makanan dan minuman dengan mengenakan syarat-syarat lesen iaitu di bawah Syarat-syarat Am perkara 19, Establisymen Makanan iaitu Penggunaan straw/penyedut minuman plastik adalah dilarang.

Justeru itu, Majlis berharap agar premis makanan dan minuman menghentikan penggunaan straw plastik bagi tujuan mengurangkan pencemaran plastik dan melindungi alam sekitar untuk generasi akan datang.

KEMPEN TANPA BAG PLASTIK @STRAW

“Marilah Kita
Bersama-Sama
Menjayakan
Kempen
Tanpa Bag Plastik
@straw”



Tips untuk katakan “TIDAK” pada plastik





KEMPEN TANPA BAG PLASTIK @ STRAW

Tips untuk katakan  “TIDAK” pada plastik

01



Menggunakan
BAG GUNA SEMULA
semasa membeli-belah

02



Menggunakan
BOTOL AIR
GUNA SEMULA

03



Menggunakan
CAWAN GUNA SEMULA /
CAWAN KERTAS

04



Membawa atau
menggunakan BEKAS MAKANAN
GUNA SEMULA

05



Menggunakan
SUDU, GARFU & STRAW
GUNA SEMULA

06



Kongsi tips ini kepada
rakan-rakan anda

“
Marilah Kita Bersama-Sama
Menjayakan Kempen
Tanpa Bag Plastik@Straw
”



Urusetia
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal
& Pembersihan Awam

☎ : 03-7954 1440

KESINAMBUNGAN PENGUATKUASAAN **PJ WATCH**

SEKSYEN 52, 23 MAC - Majlis terus komited dalam menangani isu pembuangan sampah haram di kawasan Petaling Jaya menerusi penguatkuasaan program *PJ Watch*. Kaedah penguatkuasaan program *PJ Watch* sentiasa diperkasakan melalui pemantauan statik dan rondaan berkala oleh anggota penguatkuasa yang berpakaian secara preman disokong dengan pemantauan CCTV bergerak di lokasi-lokasi *hotspot* pembuangan sampah haram. Bagi tahun 2025 (data sehingga 18 Mac 2025), maklumat dan tindakan penguatkuasaan yang telah dijalankan adalah seperti berikut:

Bil.	Lokasi	Jumlah
1	Jumlah lokasi <i>hotspot</i> sampah haram	43 lokasi
2	Jumlah <i>hotspot</i> yang dilengkapi CCTV bergerak	11 lokasi
3	Jumlah penemuan kes sampah melalui CCTV	12 individu 16 buah kenderaan
4	Jumlah kompaun di bawah UUK Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah Sarap (MBPJ 2007)	144
5	Jumlah tangkapan	14 individu 3 buah kenderaan 9 syarikat







DYMM TENGKU PERMAISURI SELANGOR SANTUNI BAZAR RAMADHAN “BAHAGIA DAN LESTARI”

KELANA JAYA, 17 MAC - Sempena bulan Ramadhan al-Mubarak, Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Hajah Norashikin berkenan mencemar duli berangkat ke Program Santuni Bazar Ramadhan “Bahagia dan Lestari” anjuran Majlis Bandaraya Petaling Jaya yang berlangsung di Bazar Ramadhan SS 6/1, Kelana Jaya.

Program ini merupakan sebahagian daripada inisiatif MBPJ dalam memastikan penganjuran bazar Ramadhan yang lebih kondusif, selesa, dan lestari. Bagi tahun 2025, MBPJ menawarkan sebanyak 1,260 petak perniagaan di 18 buah lokasi bazar dengan 1,108 peniaga telah mendaftar mencatatkan hampir 88% penyertaan daripada jumlah keseluruhan.

Bertemakan “Bahagia dan Lestari”, MBPJ telah menetapkan beberapa dasar utama bagi meningkatkan kualiti pengamalan di bazar Ramadhan. Antaranya ialah sistem pengasingan petak jualan mengikut kategori seperti makanan, minuman dan produk bakar selain pelaksanaan transaksi tanpa tunai sepenuhnya bagi memastikan urusan niaga lebih selamat dan efisien.

MBPJ turut menggalakkan ekonomi *gig* dengan menyediakan ruang kepada peniaga memperluaskan capaian pelanggan menerusi platform digital seperti PLATS, GrabFood, ShopeeFood dan FoodPanda. Usaha ini bukan sahaja membantu peniaga meningkatkan pendapatan tetapi juga memberi kemudahan kepada pengguna mendapatkan juadah berbuka puasa secara dalam talian sebagai sebahagian daripada komitmen terhadap kelestarian. MBPJ bekerjasama dengan Eco Lestari untuk mengurangkan pembaziran makanan dan meningkatkan kadar kitar semula. Antara inisiatif utama termasuk program kitar semula minyak masak terpakai, pengasingan sisa makanan serta pertandingan pengumpulan minyak masak terpakai yang menawarkan hadiah wang tunai sebagai insentif.

Sehingga 10 Mac 2025, sebanyak 512 kilogram sisa makanan telah dikumpul dan diproses menjadi baja organik manakala 511.5 kilogram minyak masak berjaya dikitar semula. Kejayaan ini membuktikan bahawa bazar Ramadhan bukan sahaja sebagai pusat ekonomi tetapi juga platform penting dalam usaha pemeliharaan alam sekitar.

Dalam usaha memperkukuh nilai kebersamaan sepanjang Ramadhan, MBPJ turut melaksanakan program kebajikan menerusi “Bakul Bahagiannya Ramadhan @PJ 2025” dengan kerjasama usahawan mikro, pengusaha hotel dan syarikat korporat. Program ini bertujuan mengurangkan pembaziran makanan dengan mengagihkan sumbangan makanan dan minuman kepada masjid, surau, rumah anak yatim serta golongan memerlukan melalui Ahli-ahli Majlis MBPJ.

DYMM Tengku Permaisuri Selangor turut berkenan menyampaikan Bakul Bahagiannya Ramadhan @PJ 2025 kepada 30 penerima terdiri daripada golongan asnaf dan fakir miskin sekali gus memperkukuh semangat kasih sayang dan kebersamaan dalam komuniti.

Bagi menggalakkan penggunaan transaksi digital, MBPJ telah memperuntukkan RM 30,000 bagi Kupon Digital PLATS dengan kerjasama Menteri Besar Selangor Incorporated (MBI). Setiap kupon bernilai RM15.00 boleh ditebus di enam buah bazar Ramadhan yang terpilih bagi menggalakkan amalan pembayaran tanpa tunai.



Selain itu, MBPJ memperkenalkan Menu Rahmah Madani dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Negeri Selangor. Inisiatif ini menawarkan insentif kepada peniaga yang menjual makanan pada harga RM 5.00 dan pada masa yang sama

dapat membantu rakyat mendapatkan juadah berbuka puasa pada harga berpatutan.

Bagi memastikan kelancaran operasi bazar Ramadhan, hampir 100 petugas MBPJ ditugaskan untuk melakukan pemantauan terhadap aspek kebersihan,

keselamatan dan pematuhan garis panduan yang telah ditetapkan. MBPJ menyeru semua peniaga agar mematuhi peraturan yang ditetapkan bagi memastikan bazar Ramadhan tahun ini berlangsung dengan lancar, selamat dan memberikan pengalaman terbaik kepada pengunjung.



Aktiviti- aktiviti

Ahli
Majlis
MBPJ
MAC

PROGRAM EDARAN BUBUR LAMBUK AHLI MAJLIS ZON 13 • 6 MAC 2025, TAMAN DATO' HARUN



SUKAN "PICKLEBALL" ZON 8 • 5 & 12 MAC 2025, SS 1/19



PROGRAM MEMASAK BUBUR LAMBOK • 8 & 16 MAC 2025, KELANA JAYA



Gerak Rahmah 2025 Jom Masak Bubur Lambok Perpaduan TARIKH 13/2025



PROGRAM BERBUKA PUASA BERSAMA PENDUDUK SS 2 • 13 MAC 2025, KELANA JAYA



PROGRAM BERBUKA PUASA BERSAMA ANAK MUDA • 14 MAC 2025, PJS 5/30



GOTONG-ROYONG KAWASAN LAPANG SS 2/48 • 15 MAC 2025, SS 2/48



AGIHAN MAKANAN SEMPENA BULAN RAMADHAN • 15 MAC 2025, JALAN SELANGOR



PROGRAM TADARUS AL-QURAN • 18 MAC 2025, KELANA JAYA



MAJLIS KHATAM AL-QURAN SURAU AN NUR • 22 MAC 2025, DESA SEPAKAT



PROGRAM ZIARAH RAMADHAN MPP ZON 18 • 22 MAC 2025, SEKITAR ZON 18



PROGRAM KHATAM AL-QURAN DI MASJID NURUL YAQIN SS 7 • 22 MAC 2025, KELANA JAYA



SISTEM PENGURUSAN ADUAN AWAM MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

SISPAA

 <https://mbpj.spab.gov.my>

HOTLINE ADUAN

 03-7954 2020

BILIK GERAKAN BENCANA

 03-7957 4113 Beroperasi 24 Jam

DATANG SENDIRI / KAUNTER

 Seksyen Aduan Awam,
Tingkat Bawah,
Bangunan Annex MBPJ,
Jalan Yong Shook Lin,
46675 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan



**SILA IMBAS
KOD QR INI
UNTUK KE
LAMAM WEB
SISPAA MBPJ**

**APLIKASI
TELEFON PINTAR**



**Respons
Rakyat**



ANDROID



iOS



DITERBITKAN OLEH:

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA
Jalan Yong Shook Lin
46675 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan.

HAK CIPTA TERPELIHARA

Sebarang penerbitan semula di dalam apa jua bentuk penerbitan tidak dibenarkan kecuali dengan kebenaran bertulis daripada MBPJ